



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## BUKU PANDUAN – GUIDEBOOK TO STARTING WAREHOUSING BUSINESS IN MALAYSIA

Aktiviti pergudangan merupakan salah satu perkhidmatan utama dalam memastikan kecekapan industri logistik saling berhubung dalam ekosistem rantaian bekalan. Aktiviti pergudangan merupakan komponen penyumbang terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi Sektor Pengangkutan dan Pergudangan (*Transportation & Storage*) iaitu sebanyak 43% daripada jumlah keseluruhan KDNK sektor tersebut.

Berdasarkan perkembangan semasa yang sangat dinamik, ketersediaan perkhidmatan 3PL juga 4PL dan perkembangan teknologi digital, aktiviti pergudangan tidak lagi terhad kepada perkhidmatan menyimpan barangan sahaja tetapi telah berkembang untuk menawarkan pelbagai perkhidmatan tambah nilai bagi memenuhi keperluan pelanggan.

Selaras dengan aspirasi negara untuk menjadi 'The Preferred Logistics Gateway to Asia' dan usaha untuk menambah baik persekitaran menjalankan perniagaan, Pasukan Petugas Logistik Kebangsaan (*National Logistics Task Force, NLTF*) telah mengenal pasti keperluan untuk mewujudkan panduan untuk memulakan perniagaan dalam sektor pergudangan di Malaysia. Kerjasama telah digembleng dengan Perbadanan Produktiviti Malaysia (Malaysian Productivity Corporation, MPC) dengan input dari pihak industri untuk menghasilkan *Guidebook to Starting Warehousing Business in Malaysia*.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

Buku panduan ini mengumpulkan maklumat-maklumat berkaitan kriteria yang perlu dipenuhi dalam memulakan perniagaan pergudangan. Ia juga memuatkan informasi ringkas berkenaan syarat-syarat, spesifikasi dan prosedur pihak-pihak berkuasa yang perlu diberi perhatian jika ingin menjalankan perniagaan pergudangan.

Penghasilannya diharapkan dapat membantu dan memberi panduan bagi memudahkan proses yang terlibat dalam memulakan perniagaan pergudangan. Buku panduan tersebut boleh dicapai di laman web rasmi Kementerian Pengangkutan Malaysia [www.mot.gov.my](http://www.mot.gov.my)

